

**80 Peratus Kawasan Parlimen Kota Raja, Kawasan Putih BN
Bernama
24 April, 2013**

KLANG, 24 April (Bernama) -- Kira-kira 80 peratus kawasan Parlimen Kota Raja merupakan kawasan putih bagi Barisan Nasional (BN) dan parti itu yakin dapat menjadikan seluruh kawasan itu putih menjelang hari pengundian Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) 5 Mei ini.

Calon BN bagi kawasan parlimen itu Datuk S. Murugesan yang memberikan maklumat ini berkata jentera BN di situ menyasarkan untuk menemui kesemua 105,909 pengundi menjelang hari pengundian nanti.

Setakat ini ia telah menemui kira-kira 80,000 pengundi di kawasan itu.

"Maklumbalas daripada pengundi setakat ini adalah positif dan jentera kita telah menerangkan kepada pengundi apa yang ditawarkan BN dan pentingnya mengundi BN untuk masa depan yang lebih cerah.

"Bagi kawasan Kota Raja sendiri, kami akan berusaha menyelesaikan masalah penduduk yang gagal diselesaikan pembangkang, antaranya jalan raya, banjir dan keselamatan penduduk," katanya kepada pemberita di Kampung Sungai Kandis di sini, Rabu.

Terdahulu beliau melancarkan wau raksasa yang dibaluti poster BN, bersaiz 30 kaki (9.14 meter) lebar dan 25 kaki (7.62 meter) tinggi hasil kerja Pemuda BN kawasan Parlimen itu.

Mereka mengambil masa sehari untuk menyiapkan layang-layang gergasi itu.

Selain wau raksasa itu, Pemuda BN kawasan Parlimen Kota Raja juga telah menghasilkan replika kapal layar, kapal terbang dan Menara Berkembar Petronas yang juga dibalut dengan poster BN.

Mengulas mengenai hasil kerja Pemuda BN itu, Murugesan berkata cara kempen yang berinovasi itu dapat memberikan kelebihan kepada kempen BN bagi menewaskan pembangkang pada PRU13.

Murugesan terlibat dalam pertandingan empat penjuru dengan penyandang kerusi Parlimen Kota Raja iaitu calon PAS Dr Siti Mariah Mahmud dan dua calon bebas iaitu P. Uthayakumar dan Azman Idrus pada PRU13 pada 5 Mei ini.

Pada PRU12, 2008, Siti Mariah memenangi kerusi itu dengan majoriti 20,751 undi menewaskan calon BN, S. Vigneswaran.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944919>